

# DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

“Penjaja dan Peniaga Kecil Nadi Ekonomi Negara”



**DKN**  
**2030**  
Dasar Keusahawan Nasional  
"Negara Keusahawan Unggul 2030"



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**

Cetakan Pertama 2024  
Hak Cipta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya, Malaysia  
Tel: +603-8000 8000 | Faks: +603-8889 3712

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

## DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)

SEKAPUR SIRIH

**YAB PERDANA MENTERI**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.*

Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) dirangka khas bagi membangunkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan dan perkembangan sektor penjaja dan peniaga kecil di Malaysia. Dengan fokus terhadap tatakelola yang baik, peningkatan modal insan, pembangunan kapasiti, bantuan dana pembiayaan serta adaptasi teknologi, D3PKN2030 dipercayai akan mampu memperkasa sektor ini untuk terus berdaya saing dalam persekitaran ekonomi semasa.

Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan inisiatif yang progresif serta holistik dalam memastikan komuniti penjaja dan peniaga kecil mampu mencapai kelestarian perniagaan.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) kerana telah berjaya menghasilkan dasar yang dinamik dalam memastikan sektor penjaja dan peniaga kecil mampu untuk terus berdaya maju dalam perniagaan mereka..

Intihanya, semoga dengan pelaksanaan D3PKN2030 akan menjadi pemangkin ke arah pembangunan sektor ekonomi serta kesejahteraan hidup penjaja dan peniaga kecil di Malaysia sekaligus mencapai gagasan MADANI seperti yang dihasratkan.

**ANWAR IBRAHIM**

Perdana Menteri

## **DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)**

*SEULAS PINANG*

### **YB MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

Salam Malaysia MADANI.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah diberi mandat untuk menerajui usaha pembangunan penjaja dan peniaga kecil di Malaysia. Bagi mendokong perkara ini, Kementerian telah merangka Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) yang menuntut kepada intervensi holistik dalam memastikan sektor penjaja dan peniaga kecil mampu kekal kompetitif sekaligus mencapai kelestarian perniagaan.

D3PKN2030 mengetengahkan lima (5) teras strategik, 15 strategi serta 35 inisiatif yang terhasil daripada sesi libat urus bersama pemegang taruh serta pihak berkepentingan. Teras-teras strategik merangkumi aspek pemerkasaan tadbir urus, pemantapan modal insan, perkembangan kapasiti perniagaan, penumpuan terhadap aspek kewangan serta teknologi bagi pembangunan sektor penjaja dan peniaga kecil.

Saya berkeyakinan, dengan iltizam serta tekad semua pihak dalam mendokong serta mencapai keberhasilan D3PKN2030 secara kolektif, kita mampu menganjak paradigma serta memantapkan lagi kitaran ekonomi negara yang didokong sektor penjaja dan peniaga kecil yang sejahtera, berdaya saing dan lestari.

Mari kita bersama-sama berpadu tenaga untuk mencapai visi ini. Semoga Maju Jaya!

**EWON BENEDICK PGDK, JP**

## **DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)**

### *SERANGKAI KATA*

#### **YB TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

Salam Malaysia MADANI.

Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara (D3PKN2030) merupakan komitmen nyata Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam pembangunan ekosistem keusahawanan khususnya komuniti penjaja dan peniaga kecil.

Melalui D3PKN2030, Kementerian ini telah merancang inisiatif dan program yang dipercayai mampu meningkatkan kapasiti dan daya saing penjaja dan peniaga kecil. Mulai daripada pemberian Latihan keusahawanan, akses kepada pembiayaan sehingga adaptasi teknologi dan pendigitalan, inisiatif ini diharap akan dapat memacu perniagaan mikro untuk berkembang dan kekal kompetitif untuk terus menjana pendapatan.

Sehubungan itu, saya berharap agar inisiatif ini akan mendapat sokongan semua pihak yang berkenaan khususnya oleh komuniti penjaja dan peniaga kecil sendiri, termasuklah Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan untuk melaksanakan tatakelola dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk kumpulan sasar. Dengan pendekatan yang holistik, saya yakin bahawa pelaksanaan D3PKN2030 akan dapat mencapai matlamatnya sekaligus membantu penjaja dan peniaga kecil untuk mencapai kesejahteraan hidup.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penggubalan dasar ini. Semoga dengan pengenalan dan pelaksanaan D3PKN2030 akan terus memacu perkembangan keusahawanan komuniti penjaja dan peniaga kecil di Malaysia.

**DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN**



## KENYATAAN DASAR

“Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) bertujuan untuk memperkasa golongan penjaja dan peniaga kecil sebagai nadi ekonomi negara, melalui persekitaran perniagaan yang inklusif, penambahbaikan kepada akses pasaran dan pembiayaan selain penekanan kepada aspek pembangunan kapabiliti dan kapasiti perniagaan. Dasar ini komited untuk memastikan golongan ini terus berkembang secara mampan, sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat.”



## RINGKASAN EKSEKUTIF



Malaysia meletakkan sasaran bagi menjadi sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030. Sasaran ini melibatkan ekosistem yang menyeluruh bagi memacu perkembangan usahawan, perniagaan dan kaedah yang tersusun dan sistematik. Salah satu sektor utama dalam ekosistem keusahawanan adalah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Selari dengan itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) selaku Kementerian yang dipertanggungjawabkan di dalam pembangunan keusahawanan dan koperasi, berhasrat agar perusahaan mikro ini terus diperkukuh dan dipertingkatkan. Ini termasuklah kumpulan penjaja dan peniaga kecil (PPK) yang majoritinya adalah subset daripada perusahaan mikro di Malaysia.

Visi Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) memberikan penekanan kepada pembangunan yang menyeluruh bagi memastikan kumpulan PPK akan lebih berkeupayaan dan berdaya maju. Strategi ini disokong melalui misi mengukuhkan ekosistem bantuan dan sokongan serta kepelbagaian akses pasaran produk atau perkhidmatan sedia ada dan baharu yang akan menjadi pemangkin kepada perkembangan PPK.

Selain itu, pelaksanaan dasar ini dilihat sebagai perintis kepada keupayaan PPK bagi menjana pertumbuhan dan ekonomi negara selain menawarkan peluang keusahawanan dan pekerjaan yang optimum.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

ISI

# KANDUNGAN

Sekapur Sirih YAB Perdana Menteri

Seulas Pinang YB Menteri

Serangkai Kata YB Timbalan Menteri

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **BAB 1: PENGENALAN**

- Penjaja Dan Peniaga Kecil Sebagai Perintis Budaya Keusahawanan
- Transformasi Penjaja dan Peniaga Kecil Menuju Tahun 2030
- Perspektif Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil
- Penjaja Dan Peniaga Kecil Sebagai Perintis Budaya Keusahawanan

### **BAB 2: ISU DAN CABARAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL**

- Gambaran Keseluruhan Isu dan Cabaran
- Komponen 1: Keperluan Polisi
- Komponen 2: Pangkalan Data
- Komponen 3: Akses Pasaran
- Komponen 4: Adaptasi Digital dan Teknologi

### **BAB 3: DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)**

- Objektif Dasar
- Penanda Aras Utama
- Kerangka D3PKN2030

### **BAB 4: TERAS D3PKN2030**

- TERAS 1
- TERAS 2
- TERAS 3
- TERAS 4
- TERAS 5

### **BAB 5: MELANGKAH KE HADAPAN**





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# BAB 1

# PENGENALAN





## Penjaja dan Peniaga Kecil Sebagai Perintis Budaya Keusahawanan

Penjaja dan peniaga kecil (PPK) memainkan peranan penting sebagai perintis budaya keusahawanan dalam masyarakat Malaysia. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan tetapi juga berfungsi sebagai sumber inovasi dan kreativiti dalam perniagaan. PPK sering kali menjadi contoh kepada golongan usahawan baru dengan mempamerkan semangat juang yang tinggi dan keupayaan untuk beradaptasi dengan pelbagai cabaran yang dihadapi dalam dunia perniagaan.

PPK membantu memperkukuh jaringan sosial dan ekonomi dalam komuniti mereka. Melalui aktiviti penjualan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan harian masyarakat. Mereka sering kali menyokong produk tempatan dan memberi peluang kepada peniaga baru untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Ini bukan sahaja dapat memacu pertumbuhan ekonomi, tetapi juga mewujudkan peluang pekerjaan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.





# Transformasi Penjaja dan Peniaga Kecil Menuju 2030

## “Malaysia Negara Keusahawanan Unggul”

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) telah menetapkan visi dan misi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030. Ekosistem keusahawanan yang dinamik membolehkan semua golongan dan lapisan masyarakat Malaysia memanfaatkan dan meneroka sepenuhnya potensi masing-masing bagi melibatkan diri secara serius dalam bidang keusahawanan. Dalam usaha merealisasikan visi ini, Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) berperanan sebagai dasar sokongan yang memberi fokus khusus kepada penjaja dan peniaga kecil, yang merupakan sebahagian daripada ekosistem keusahawanan negara.




## TERAS STRATEGIK BERKAITAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DI BAWAH DKN2030

- TS 5 – Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)
- TS 3 – Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik
- TS 2 – Mengoptimumkan Sistem Kawal Selia dan Capaian kepada Pembiayaan Kewangan
- TS 1 – Membudayakan Keusahawanan dalam Segenap Lapisan Masyarakat

## HUBUNGAN D3PKN2030 DAN P3PK 2023-2027

Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 (D3PKN2030) dan Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023-2027 adalah saling melengkapi, di mana D3PKN2030 bertindak sebagai dasar induk yang menyediakan hala tuju jangka panjang bagi pembangunan sektor penjaja dan peniaga kecil di Malaysia sehingga tahun 2030. P3PK 2023-2027 pula berfungsi sebagai pelan tindakan yang lebih spesifik dan terperinci untuk tempoh lima tahun pertama, yang memberi tumpuan kepada langkah-langkah strategik bagi memperkasa penjaja dan peniaga kecil melalui lima (5) teras utama. P3PK 2023-2027 memainkan peranan penting dalam menyokong matlamat jangka panjang D3PKN2030 dengan memastikan penjaja dan peniaga kecil dapat menghadapi cabaran semasa seperti adaptasi digital, akses kepada pasaran, dan pembangunan kapasiti. Gabungan kedua-dua dokumen ini diharap mampu mendorong komuniti penjaja dan peniaga kecil yang berdaya saing, inklusif dan mampan.





## Perspektif Penjaja dan Peniaga Kecil

Penjaja dan peniaga kecil amat sinonim dengan pertumbuhan ekonomi domestik sama ada di bandar atau pinggir bandar. Kewujudan kumpulan ini boleh dikategorikan berdasarkan skala, sifat dan ciri-ciri perniagaan yang dijalankan. Bagi memastikan D3PKN20230 dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, dua (2) kategori utama kumpulan PPK telah dikenalpasti berdasarkan kepada orientasi perniagaan.

### Definisi PPK

**“Penjaja dan peniaga kecil merujuk kepada sebahagian daripada perusahaan mikro yang menjalankan perniagaan barangan atau perkhidmatan sama ada di premis tetap, premis sementara, bergerak atau di rumah”  
(KUSKOP, 2023)**


**Orientasi Perniagaan Kecil (*Small Business Orientation*) atau SBO** merujuk kepada perniagaan kecil yang dijalankan secara informal atau berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Pejabat Daerah untuk keperluan dan kelangsungan hidup. Konsep perniagaan adalah tidak tetap, beroperasi secara mandiri. Contoh kumpulan ini seperti penjaja pasar malam, *food truck*, tapak jualan sementara dan statik.

**Orientasi Keusahawanan (*Entrepreneurial Orientation*) atau EO** merujuk kepada perniagaan yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang sah seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai premis tetap. Perniagaan ini berpotensi untuk ditingkatkan, menjana pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan serta berkeupayaan untuk berdaya maju. Contoh perniagaan seperti warung makanan dan minuman, kedai gunting rambut dan kedai kek.



## TABURAN DATA ASAS

Berdasarkan data penjaja dan peniaga kecil yang diperoleh daripada 76 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga Oktober tahun 2024, terdapat 177,481 perniagaan yang berdaftar di bawah PBT. Jumlah ini mewakili kira-kira 50% daripada jumlah keseluruhan PBT di Malaysia, iaitu 156 PBT. Justeru, anggaran purata keseluruhan penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar di semua PBT adalah sekitar 354,962. Jika jumlah ini digunakan sebagai titik asas (*baseline*), dianggarkan sekitar 37% PPK mewakili keseluruhan usahawan di bawah sektor informal.



**Sektor Informal** dirujuk sebagai perniagaan kecil yang tidak berdaftar dan pekerja yang tidak mempunyai perlindungan pekerjaan yang formal.

**PPK** merangkumi perniagaan kecil yang berdaftar dan mempunyai lesen atau permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walaupun kebanyakan PPK beroperasi dalam kerangka formal, masih ada juga PPK yang mungkin beroperasi secara informal.

- *Statistik Usahawan Informal 2021: 955,200*  
Sumber: *Laporan Survei Sektor Informal dan Guna Tenaga Informal (2021)*, Jabatan Perangkaan Malaysia
- *Data PBT untuk 76 PBT (Sehingga September 2024) 177,481*  
Sumber: *KUSKOP, Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil*

## KAEDAH PERBANDINGAN

Perbandingan antara PMKS, sektor informal serta penjaja dan peniaga kecil adalah penting untuk memahami struktur ekonomi dan menganalisis tahap pendaftaran serta perkembangan perniagaan.

Ini bagi memastikan dasar yang dirangka lebih efektif dan inisiatif yang diperkenalkan sesuai bagi keperluan mereka. Dengan pendekatan yang tepat, penjaja dan peniaga kecil dapat berkembang secara mampan dan berdaya saing dalam pasaran yang semakin mencabar.

**Data penjaja dan peniaga kecil adalah penting dalam perancangan dasar, pengembangan ekonomi dan sokongan bagi golongan ini.**


### Ringkasan Perbandingan:

PMKS	INFORMAL	PPK
Perniagaan berdaftar	Perniagaan tidak berdaftar	Perniagaan berdaftar atau Tidak berdaftar
Akses kepada pembiayaan dan sokongan	Tiada akses pembiayaan	Penjaja (sementara) dan Peniaga kecil (tetap)
EO	SBO	SBO & EO

## BAB 1 PENGENALAN : LANSKAP PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MENUJU TAHUN 2030

Lanskap penjaja dan peniaga kecil di Malaysia menjelang tahun 2030 dijangka akan mengalami transformasi yang ketara, seiring dengan perubahan dinamik dalam ekonomi global dan domestik. Dalam konteks ini, PPK berperanan sebagai salah satu teras penting dalam menyokong pembangunan ekonomi negara dan mewujudkan kesejahteraan sosial.

Salah satu aspek utama yang akan membentuk lanskap ini adalah peningkatan penggunaan teknologi digital. Dengan adanya inisiatif untuk meningkatkan jurang digital dalam operasi harian, PPK akan dapat mengakses pasaran yang lebih luas dan meningkatkan kecekapan perniagaan mereka. Penggunaan platform e-dagang, media sosial dan aplikasi pembayaran digital akan membolehkan PPK berinteraksi secara langsung dengan pelanggan, meningkatkan jualan serta memperluaskan capaian pasaran mereka.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# BAB 2

# ISU DAN CABARAN






## Gambaran Keseluruhan Isu dan Cabaran

Penjaja dan peniaga kecil (PPK) merupakan penyumbang kepada ekonomi tempatan, tetapi mereka sering menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang mengancam pembangunan dan pertumbuhan perniagaan mereka. Dalam menghadapi persekitaran yang semakin kompetitif, PPK memerlukan sokongan yang lebih kuat dan strategi yang lebih berstruktur untuk mengatasi halangan yang wujud.

Kekurangan dasar dan polisi yang menyokong ekosistem PPK, kelemahan pangkalan data yang sistematik, kekurangan akses kepada sumber pembiayaan dan keterbatasan dalam memanfaatkan teknologi dan inovasi merupakan antara cabaran yang perlu ditangani dengan segera. Komponen utama bagi memberikan gambaran keseluruhan isu dan cabaran adalah seperti berikut:





## Komponen 1: Keperluan Polisi

### KELEMAHAN POLISI BAGI MENYOKONG EKOSISTEM PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Umum sedia maklum, kumpulan penjaja dan peniaga kecil juga penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Namun, disebabkan oleh kelemahan polisi khusus, percanggahan undang-undang atau peraturan PBT, sehinggalah pertindihan fungsi dan tadbir urus Kementerian, akibatnya penjaja dan peniaga kecil dilihat sukar untuk mengembangkan atau meningkatkan perniagaan mereka.

Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan bagi menambahbaik ekosistem perniagaan kepada kumpulan penjaja dan peniaga kecil seperti menyelaraskan peraturan dan proses di dalam pemberian permit perniagaan, pewartaan lokasi perniagaan yang strategik seperti “*street food*” atau “*car boot sales*” dan sebagainya bagi membantu kumpulan penjaja dan peniaga kecil.





## Komponen 2: Pangkalan Data

### TIADA PANGKALAN DATA BAGI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Bagi menjamin bantuan yang diberikan dapat memenuhi kehendak dan keperluan semasa penjaja dan peniaga kecil, satu pangkalan data berpusat untuk kumpulan ini perlu dibangunkan dengan segera melalui inisiatif KUSKOP.

Pangkalan data ini akan berfungsi sebagai pangkalan data usahawan peringkat Kementerian dan juga Agensi pembangunan usahawan di Malaysia. Pewujudan pangkalan data ini dijangka mampu mengubah landskap perniagaan penjaja dan peniaga kecil ke peringkat yang lebih baik.





## Komponen 3: Akses Pasaran

### AKSES KEPADA BANTUAN DAN SOKONGAN BAGI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Kumpulan penjaja dan peniaga kecil selalunya adalah kategori kumpulan masyarakat yang tercicir atau mempunyai taraf pendidikan yang minimal. Namun ada juga penjaja dan peniaga kecil yang berpendidikan menengah dan tinggi tetapi disebabkan faktor-faktor tertentu, mereka memilih untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Justeru itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk menyediakan satu kaedah atau sokongan bagi memudahkan atau meningkatkan perniagaan penjaja dan peniaga kecil sama ada dari sudut akses kepada kewangan yang lebih luas dan mesra atau sokongan pembangunan kapabiliti dan kapasiti agar perniagaan mereka lebih berkualiti dan lestari.





## Komponen 4: Adaptasi Digital dan Teknologi

### ADAPTASI KEPADA TREND TERKINI SEPerti TEKNOLOGI, INOVASI DAN PENDIGITILAN

Penjaja dan peniaga kecil perlu terus dibimbing untuk membantu mereka mempertingkatkan dan mengembangkan perniagaan melalui kaedah-kaedah baharu seperti automosi dan pendigitalan. Memandangkan keperluan perniagaan kini memerlukan produk, perkhidmatan atau proses yang berkualiti, menarik dan mudah, penjaja dan peniaga kecil seharusnya perlu bersedia untuk bersaing dengan pasaran yang lebih luas dan berani untuk mencuba perkara baharu di dalam perniagaan mereka.

Selain itu, memandangkan trend pendigitalan ini berlaku secara mendadak dan pantas, penjaja dan peniaga kecil juga perlu mengadaptasi teknik-teknik dan peralatan baharu seperti sistem transaksi tanpa tunai yang kini lebih meluas penggunaannya.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# BAB 3

# DASAR PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGARA 2030 (D3PKN2030)





## Objektif Dasar

Menyedari isu dan cabaran yang dihadapi oleh penjaja dan peniaga kecil (PPK), Kementerian mengambil inisiatif untuk mewujudkan D3PKN2030. Secara spesifik, objektif D3PKN2030 adalah untuk:

1

### **MENAMBAHBAIK TADBIR URUS BAGI MEMPERTEGUH EKOSISTEM PERNIAGAAN:**

Mewujudkan rangka kerja yang jelas dan berkesan untuk menyokong PPK, termasuk polisi yang menyeluruh dan penguatkuasaan yang saksama.

2

### **MENINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN PERNIAGAAN SUPAYA LEBIH BERDAYA MAJU:**

Menyediakan program latihan dan pembangunan kemahiran untuk membantu PPK beradaptasi dengan perubahan pasaran dan meningkatkan daya saing mereka.

3

### **MENGALAKKAN PERNIAGAAN YANG KEKAL DAN BERTERUSAN:**

Memastikan PPK dapat bertahan dan berkembang dalam persekitaran yang kompetitif melalui sokongan yang berterusan dan akses kepada sumber yang diperlukan.

**Semua ini memerlukan pendekatan dan teras strategik yang baharu untuk mempertingkatkan pertumbuhan dan pembangunan penjaja dan peniaga kecil.**

Melalui pelaksanaan teras D3PKN2030 ini, diharap akan dapat mengukuhkan nilai PPK dalam ekosistem ekonomi dan seterusnya memastikan tiada penjaja dan peniaga kecil yang akan tercicir. D3PKN2030 menggariskan komitmen untuk menyokong kepada semua PPK, tanpa mengira latar belakang atau lokasi, bagi memastikan mereka dapat terus berkembang, bersaing, dan memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.



## Penanda Aras Utama

### Penanda Aras 1 : Pembiayaan

**500,000** penerima skim pembiayaan mikro penjaja dan peniaga kecil sehingga tahun 2030.

### Penanda Aras 2 : Data Repositori

Pengumpulan data penjaja dan peniaga kecil ke **Pangkalan Data Berpusat KUSKOP**.



### Penanda Aras 3 : Kadar Pertumbuhan

Pertumbuhan penjaja dan peniaga kecil yang mendaftar perniagaan pada **kadar 10% sehingga tahun 2030**.

### Penanda Aras 4 : Penarafan Status PMKS

Penarafan status PMKS sebanyak **20,000** sehingga tahun 2030.

### Penanda Aras 5 : Pembudayaan Digital

**20,000** penjaja dan peniaga kecil mengikuti program pembudayaan dan adaptasi pendigitalan perniagaan.

Lima (5) penanda aras utama ini akan mendorong dan memastikan pertumbuhan golongan penjaja dan peniaga kecil lebih berdaya maju dan mampan. Secara keseluruhan, PPK bukan sahaja menjadi nadi kepada ekonomi tempatan tetapi juga memainkan peranan strategik dalam membentuk budaya keusahawanan yang positif di Malaysia.



## Kerangka D3PKN2030



**“Penjaja Dan Peniaga Kecil  
Nadi Ekonomi Negara”**



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# BAB 4

# TERAS D3PKN2030





# TERAS 1 : TADBIR URUS

Menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pembangunan inklusif

## STRATEGI 1



Mengukuhkan pemahaman dan akses kepada maklumat prosedur perniagaan, undang-undang dan peraturan dalam meningkatkan pematuhan.

### INISIATIF:

1. Melaksanakan kempen kesedaran pematuhan undang-undang dengan agensi regulatori.
2. Menggalakkan pendaftaran perniagaan.
3. Memudah cara proses permohonan permit/ lesen operasi perniagaan.

## STRATEGI 2

Meningkatkan capaian dan tahap kesedaran kepentingan perlindungan sosial.



### INISIATIF:

1. Menggalakkan caruman skim perlindungan sosial.
2. Meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi berkaitan perlindungan sosial.

## STRATEGI 3



Memantapkan tadbir urus dan kawal selia hal ehwal penaja dan peniaga kecil.

### INISIATIF:

1. Memperkukuh struktur tadbir urus jawatankuasa berkaitan PPK.
2. Menjalankan pemantauan dan penilaian program PPK.

## STRATEGI 4

Menstrukturkan data ke pusat data kebangsaan.



### INISIATIF:

1. Mewujudkan data repositori PPK.
2. Mengawal selia dan mengemaskini data PPK.



# TERAS 2 : PASARAN

Memperluas peluang pasaran untuk pengembangan perniagaan

## STRATEGI 1



Meningkatkan peluang dan capaian kepada pasaran.

### INISIATIF:

1. Meningkatkan kerjasama strategik antara Kementerian dan Agensi untuk akses pasaran.
2. Melaksanakan padanan perniagaan antara industri dan penaja kecil.
3. Mengadakan karnival secara berkala/ tahunan.

## STRATEGI 2

Memudah cara urusan berkaitan tapak dan premis perniagaan.



### INISIATIF:

1. Menyelaras perbincangan antara pihak berkepentingan.
2. Mengukuhkan struktur perniagaan bergerak.

## STRATEGI 3



Membentuk jaringan kerjasama strategik bagi menambah baik sistem rantaian bekalan.

### INISIATIF:

1. Menggalakkan penggunaan model koperasi bagi menyokong rantaian bekalan.
2. Membudaya konsep Perusahaan Sosial di kalangan peniaga kecil.

## STRATEGI 4

Mempromosi perniagaan warisan.



### INISIATIF:

1. Memelihara dan memulihara perniagaan warisan.
2. Menggalak pengukuhan elemen budaya dan warisan.
3. Mempromosi perniagaan industri kreatif.



# TERAS 3 : KAPASITI

Memperkasa kapasiti dan keupayaan untuk peningkatan daya saing

## STRATEGI 1

Meningkatkan kemahiran asas dan kemahiran khusus.



### INISIATIF:

1. Menerapkan ilmu keusahawanan dan perniagaan.
2. Melaksanakan kursus kemahiran industri untuk tenaga kerja mahir.

## STRATEGI 2

Mengukuhkan pertumbuhan dan peningkatan operasi perniagaan.



### INISIATIF:

1. Merancang program ekonomi PPK.
2. Melaksanakan program bimbingan untuk pengembangan perniagaan.
3. Melaksanakan program untuk peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan.
4. Menggalakkan kerjasama strategik dalam penyelidikan dan pengkomersilan.

## STRATEGI 3

Menggalakkan amalan perniagaan lestari dan mampan.



### INISIATIF:

1. Meningkatkan kesedaran manfaat perniagaan lestari melalui amalan terbaik 'hijau'.
2. Menggalakkan impak sosial melalui perniagaan.



# TERAS 4 : KEWANGAN

Mengukuhkan ekosistem kewangan untuk pertumbuhan mampan

## STRATEGI 1



Memupuk amalan terbaik dalam pengurusan kewangan.

### INISIATIF:

1. Mempertingkatkan program literasi kewangan.
2. Melaksanakan program intervensi bimbingan kewangan individu.

## STRATEGI 2

Meningkatkan akses kepada pembiayaan mikro.



### INISIATIF:

1. Memudahcara pembiayaan kepada PPK.
2. Mewujudkan kerjasama strategik untuk program pembiayaan alternatif.



# TERAS 5 : PENDIGITALAN

Mengadaptasi teknologi dan pendigitalan untuk kecekapan operasi

## STRATEGI 1



Meningkatkan adaptasi teknologi dan pendigitalan untuk kecekapan operasi.

### INISIATIF:

1. Meluaskan akses latihan dan kemahiran digitalisasi perniagaan.
2. Menggalakkan penggunaan platform e-dagang untuk pemasaran.

## STRATEGI 2

Meningkatkan inovasi dalam perniagaan.



### INISIATIF:

1. Menyediakan akses pengetahuan ke arah inovasi perniagaan.
2. Mewujudkan kolaborasi antara perniagaan kecil dan pemain industri.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# BAB 5

# MELANGKAH KE HADAPAN





## Melangkah Ke Hadapan

Diharapkan dasar ini menjadi asas penting bagi transformasi penaja dan peniaga kecil (PPK), memastikan mereka menerima sokongan yang lebih menyeluruh untuk kelestarian perniagaan mereka. Melalui dasar ini, jumlah pendaftaran perniagaan di kalangan PPK dijangka akan meningkat, membolehkan mereka mengakses pelbagai kemudahan, insentif dan latihan yang disediakan oleh kerajaan. Usaha ini akan memastikan tiada golongan PPK yang tercicir daripada arus pembangunan, sekaligus memperkukuhkan ekosistem keusahawanan negara ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya saing.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya, Malaysia

**Tel :** +603-8000 8000 | **Faks :** +603-8889 3712